



DASAR ANTIRASUAH MARDI

INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) komited untuk mencegah dan membanteras rasuah selaras dengan nilai teras MARDI iaitu Integriti, Bekerjasama, Profesional, Komited dan Berbangga.

Sehubungan dengan itu MARDI akan:

- i. Menghalang mana-mana pegawai MARDI daripada meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah;
- ii. Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) dan segala undang-undang yang terpakai dalam setiap aktiviti perkhidmatannya;
- iii. Memastikan semua pegawai MARDI dan rakan niaga mematuhi Polisi Antirasuah MARDI ke arah penambahbaikan berterusan;
- iv. Menyediakan saluran aduan bagi sebarang tindakan rasuah yang disyaki selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), di bawah kawal selia pendedahan maklumat MARDI; dan
- v. Menubuhkan satu badan bebas yang berfungsi untuk memastikan pematuhan kepada Sistem Pengurusan Antirasuah MARDI

Setiap pegawai MARDI adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan polisi ini. Ketidakpatuhan atau pelanggaran terhadap polisi, prosedur dan lain-lain yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Antirasuah MARDI ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.

